

03/06/1998

Galak syarikat IT ceburi bidang keselamatan sistem

Hizral Tazzif Hisham

KERAJAAN menggalakkan syarikat teknologi maklumat (IT) tempatan menceburi aspek keselamatan sistem rangkaian komputer, termasuk menerokai bidang peralatan biometrik yang menggunakan cap jari, tapak tangan, retina mata dan corak suara.

Bidang berkenaan menggunakan anggota badan sebagai tanda pengenalan untuk tujuan keselamatan dan melindungi pengguna daripada penceroboh dan mengganggu ketenteraman kehidupan mereka.

Gabungan antara teknologi digital, biologi dan persekitaran dapat memantapkan sistem rangkaian komputer daripada dicerobohi.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, berkata penerokaan bidang biometrik adalah lanjutan teknik yang ada sekarang seperti firewall yang banyak digunakan pada Internet dan Intranet.

"Kita perlu mempelbagaikan teknik keselamatan bagi memastikan ia menjadi penghalang kepada hasrat untuk melakukan pencerobohan pada mana-mana sistem rangkaian komputer," katanya.

Menurutnya, bagi memantapkan keselamatan pengguna, kerajaan sedang merangka undang-undang baru dikenali sebagai Akta Perlindungan Data bagi menggalakkan pertumbuhan kegiatan transaksi menerusi elektronik di negara ini.

Pengenalan akta itu dijangka dapat memastikan semua data termasuk yang dikategorikan sebagai peribadi dilindungi, selain keupayaannya mengekal, mengawal selia dan mengiktiraf hak persendirian.

"Kementerian sedang merangka akta berkenaan dan apabila diperkenalkan kelak, ia dijangka dapat menggalakkan pertumbuhan transaksi elektronik, bersandarkan fungsinya sebagai pelindung data termasuk yang bersifat peribadi," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Ibu Pejabat Global Lester Technology Group Sdn Bhd (LTG), minggu lalu. Lester Technology adalah syarikat yang terbabit dalam pembangunan teknologi perlindungan maklumat digital.

Syarikat berkenaan sedia bertindak sebagai Certification Authority (CA) untuk membolehkan teknologi keselamatan buatan Malaysia dipasarkan ke seluruh dunia. Turut hadir ialah Pengerusi LTG, Mirzan Mahathir dan Ketua Eksekutif LTG, Jerry T Wu.

Leo Moggie berkata, pengenalan undang-undang yang sesuai dan lebih spesifik seperti Akta Perlindungan Data itu dapat memastikan penghantaran mesej secara elektronik bebas daripada pemerhatian, pencerobohan dan pengendalian pihak tidak bertanggungjawab.

Perlindungan bagi transaksi elektronik hanya boleh dicapai menerusi penggunaan teknologi perlindungan data iaitu tandatangan digital, enkripsi dan kawalan capaian.

Berikutan isu itu, beliau berkata, kerajaan tiada pilihan lain selain memperkenalkan undang-undang tertentu bagi memastikan tandatangan yang bersifat digital dapat disahkan.

(END)